

Istiadat Pertabalan Diraja sebagai Mekanisme ke Arah Sistem Pemerintahan Berdaulat

Hayati Adnan

University of Malaya
hayati.pahangmuseum@gmail.com

Awang Azman Awang Pawi

University of Malaya
awangazman@um.edu.my

Ahmad Farid bin Abdul Jalal

University of Malaya
farid.museumpahang@gmail.com

Rahimin Affandi bin Abdul Rahim

University of Malaya
faqir_ila_rabbih@um.edumy

Diterima 19-07-2020 | Direview 10-09-2021 | Diterbitkan 30-12-2021

Abstract

Hugh Clifford once wrote in his notes *The Court and Kampung* - 'Until British interference changed the conditions which existed in Pahang, that country was the best type of an independent Malay State in the Peninsula, and much that was to be seen and learned in Pahang, in the days before the appointment of a British Resident, cannot now be experienced in quite the same measure anywhere else'. This statement strongly supports the existence of good administration in the state of Pahang before the arrival of the British in this state. Having a geographical landscape as the widest state in Peninsular Malaysia, it is certain that this state needs an effective administrative system and the sovereignty of a great ruling king so that it can stand firm and be kind to so many of its people. The period of the Modern Pahang Sultanate proved that they as supporters of this institution so appreciated the ancestral ceremonial practices that it became the basic premise of government in every generation. This study will examine the royal coronation ceremony of Pahang with an examination of the procedure, philosophy and finally lead to a finding of how the royal coronation ceremony is able to function as a mechanism towards creating a sovereign government. The method used is the content analysis method by detailing the philosophy behind the royal coronation ceremony practiced in the state of Pahang. Also described is the content of the system of royal customs practiced through notes from classical manuscripts. As a result, it can be concluded that the greatness of a government is not only marked by physical development but it is also conceived by a sovereign government institution and has the full loyalty of the people.

Keyword: Royal Coronation Ceremony, System of Government

Abstrak

Hugh Clifford pernah menulis dalam catatannya *The Court and Kampung* - 'Until British interference changed the conditions which existed in Pahang, that

country was the best type of an independent Malay State in the Peninsula, and much that was to be seen and learned in Pahang, in the days before the appointment of a British Resident, cannot now be experienced in quite the same measure anywhere else'. Kenyataan ini menyokong kuat wujudnya pentadbiran yang baik di negeri Pahang sebelum kedatangan British ke negeri ini. Mempunyai landskap geografi sebagai negeri paling luas di Semenanjung Malaysia, sudah pasti negeri ini memerlukan satu sistem pentadbiran yang berkesan dan kedaulatan raja memerintah yang hebat agar ia mampu berdiri teguh menyantuni sekian ramai rakyatnya. Periode Kesultanan Pahang Moden membuktikan mereka sebagai pendukung institusi ini begitu menghargai amalan istiadat nenek moyang sehingga ia menjadi premis asas pemerintahan di setiap generasi. Kajian ini bakal mengupas istiadat pertabalan diraja negeri Pahang dengan penelitian terhadap tatacara, falsafah dan akhirnya menjurus kepada satu dapatan bagaimana istiadat pertabalan diraja ini mampu berfungsi sebagai satu mekanisme kearah mewujudkan pemerintahan berdaulat. Metode yang digunakan ialah kaedah analisis kandungan dengan memperinci falsafah disebalik tatacara istiadat pertabalan diraja yang diamalkan di negeri Pahang. Turut dihuraikan isi kandung sistem adat istiadat diraja yang diamalkan melalui catatan dari naskah-naskah klasik. Hasilnya dapatlah disimpulkan, hebatnya sesebuah pemerintahan bukan sahaja ditandai oleh pembangunan fizikal malah ia turut digagaskan oleh sebuah institusi pemerintahan yang berdaulat dan mendapat kesetiaan penuh dari rakyat jelata.

Kata Kunci: Istiadat Pertabalan Diraja, Sistem Pemerintahan

Pendahuluan

Adat istiadat diraja dalam sesebuah kesultanan melambangkan keagungan dan kehebatannya yang tersendiri. Sesebuah empayar monarki yang mempunyai sistem istiadat dan protokol yang rigid menggambarkan kesungguhan golongan tersebut memelihara amalan yang diwarisi sejak generasi sebelumnya lagi. Kesemua institusi beraja di negeri-negeri mengamalkan istiadat pertabalan atau kemahkotaan raja pemerintah yang baru dengan cara tersendiri.

Di negeri Pahang, sebagaimana lazimnya, Istiadat Pertabalan Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Riayatuddin Al-Muadzam Shah dimulai dengan Istiadat Meletak Kerja Diraja. Seterusnya Istiadat Menziarah Makam ayahanda Al-Marhum Sultan Abu Bakar Riayatuddin Al-Muadzam dijalankan di Makam Diraja, Pekan. Istiadat Pertabalan dimulakan dengan Istiadat Bersiram di Panca Persada di perkarangan Istana Abu Bakar, Pekan dan diikuti dengan aturcara istiadat Pertabalan di Balairung Seri. Dalam istiadat ini, warkah pertabalan dibawa mengadap dan dibacakan dihadapan Sultan yang baru. Seterusnya, mahkota dipakaikan ke ulu baginda Sultan dan Tengku Ampuan. Wakil kerabat diraja dan Orang Besar Pahang akan menyampaikan sumpah taatsetia terhadap Sultan yang baru diikuti oleh Menteri Besar yang mewakili rakyat. Setelah itu, baginda Sultan menyampaikan titah pertama sebagai Sultan Pahang yang baru. Pada

hari yang sama juga berlangsung Istiadat Santapan Nasi Adap-Adapan. Di majlis ini, Baginda berdua dipakaikan panca bicara oleh Tengku Ampuan Besar Pahang. Sepanjang istiadat berlangsung, semua alat kebesaran digunakan disertai dengan peralatan istiadat sebagaimana yang diamalkan dalam tradisi istiadat di negeri Pahang .

Di Perak, Istiadat Pertabalan KDYMM Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibnu Al-Marhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-lah berlangsung selama empat belas hari berturut-turut dengan beberapa istiadat kecil dilangsungkan hampir setiap hari. Istiadat Pertabalan pula terbahagi kepada Istiadat Tabal Adat dan Istiadat Tabal Pusaka yang dilangsungkan di Balairung Seri Istana Iskandariah, Kuala Kangsar. Istiadat Bersiram di negeri Perak dimulai dengan Istiadat Mengambil Air Bersiram Tabal di Tujuh Kuala Sungai Perak dan seterusnya dilaksanakan Istiadat Bersiram Tabal di Panca Persada. Setelah selesai, barulah Istiadat Tabal Pusaka dijalankan dan diakhiri Istiadat pada hari tersebut dengan Istiadat Santapan Nasi Berastakona. Berbeza dari negeri-negeri lain, Istiadat Menziarah Makam di Perak berlangsung selama tujuh hari dimulai dengan menziarahi Makam Tok Temong dan diteruskan dengan menziarahi makam-makam, majlis tahlil dan doa selamat ke semua makam diraja sultan pemerintah negeri Perak iaitu bermula dari Sultan pertama negeri Perak, Al-Marhum Sultan Mudzaffar Shah I (Marhum Tanah Abang) di Makam Tanah Abang, Teluk Bekong berturutan sehingga ke Makam Al-Marhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah, Sultan Perak ke-34, di Makam Diraja Bukit Chandan. Antara alat kebesaran diraja Perak yang diwarisi sejak zaman Kerajaan Melayu Melaka lagi ialah Keris Taming Sari yang pernah dimiliki oleh Hang Tuah dan Pedang Cura Si Manja Kini yang diwarisi sejak zaman Parameswara lagi. Kedua-dua alat kebesaran bersama peralatan istiadat yang lain dikirim oleh Al-Marhum Sultan Mahmud ketika menghantar anakandanya Sultan Muzaffar Shah ditabalkan sebagai Sultan Perak yang pertama. Alat kebesaran ini merupakan antara alat kebesaran diraja Perak yang masih digunapakai sehingga ke hari ini (Pejabat KDYMM Sultan Perak,2015)

Istiadat Pertabalan KDYMM Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibnu Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah di Istana Terengganu juga berlangsung dengan beberapa istiadat kecil. Selain dari Istiadat Meletak Kerja, dilaksanakan juga Istiadat Bersiram. Seterusnya Istiadat Tabal dan Kemahkotaan dilaksanakan dimana warkah pemsyukuran dibawa mengadap Sultan yang baru. Seterusnya seorang kerabat akrab akan mengangkat tengkolok untuk dipakaikan Mahkota ke ulu Sultan dan gendik dipakaikan ke ulu Permaisuri. Di Terengganu, nobat

dimainkan dalam hampir semua istiadat iaitu semasa Istiadat Pertabalan, Istiadat Bersiram Tabal, Istiadat Perkahwinan dan Istiadat Penghadapan sempena Ulangtahun Hari Keputeraan. Nobat yang masih tersimpan rapi di Istana Terengganu ini merupakan nobat yang diwarisi daripada Kesultanan Riau-Lingga (Pejabat KDYMM Sultan Terengganu, 2019)

Semua istiadat pertabalan di negeri-negeri mempunyai kerangka tatacara asas yang sama dimana perbezaan hanya terdapat pada perjalanan aturcara dan penggunaan peralatan istiadat sahaja. Perkara yang paling utama ialah tatacara melantik raja pemerintah yang baru dengan perakuan melalui surat lantikan iaitu warkah pertabalan atau warkah permasyhuran.

Adat Istiadat Diraja Melayu

Memperkatakan tentang adat istiadat diraja Melayu, adalah penting untuk kita meneliti apakah kandungan sistem adat istiadat diraja ini. Sistem ini menekankan kepada beberapa aspek utama iaitu **pertama; pantang larang atau peraturan larangan**. Awang Azman (2013) menyatakan naskah *Sulalatus Salatin* selain merupakan sejarah salasilah raja-raja Melayu ia juga merupakan suatu bentuk ‘undang-undang’ lisan yang didokumentasikan berkenaan peraturan diraja yang perlu dipatuhi. Aspek yang terpenting digunakan bagi membentuk peraturan daripada konsep alam ialah menggunakan objek harian dalam kehidupan diraja untuk dijadikan simbol kekuasaan. Jadi, aspek budaya harian dijadikan sebagai undang-undang larangan. Di barat, undang-undang ini dikenali sebagai *Sumtuary Law*.

Sarjana-kolonial Barat dengan penuh ethnosentrik mewar-warkan orang Melayu sebelum penjajahan, tidak mempunyai satu sistem pentadbiran sehebat mereka. Sedangkan telah lama wujud dalam masyarakat Melayu satu sistem undang-undang adat yang terdiri dari pelbagai bentuk pantang larang dan undang-undang. *Malay degist* seawal *Sulalatus Salatin* (1612) lagi, telah memerihalkan peraturan yang diakui dan dipatuhi oleh orang melayu. Naskah ini menjelaskan bahawa Sultan Muhammad Syah Melaka meletakkan peraturan warna kuning hanya untuk lingkungan istana sahaja dan dilarang juga orang kebanyakan berbuat rumah peranjungan dan bertiang gantung (Zainal *et al*, 1996). Naskah manuskrip yang menyusul selepas itu seperti *Adab Raja-Raja Melayu* (1779) turut memberi fokus kepada beberapa istiadat yang diamalkan. Terdapat juga larangan menggunakan perbahasa seperti titah, patik, murka, kurnia dan anugerah pada Fasal 2, manakala Fasal 3 menjurus kepada larangan memakai bantal

dan tilam berwarna emas serta saputangan untuk rakyat jelata (Panuti,1996). *Hukum Kanun Melaka* dan *Hukum Kanun Pahang* turut memperincikan undang-undang larangan ini. *Hukum Kanun Pahang* Fasal 2 turut menjelaskan peraturan berbahasa dikalangan raja-raja sama seperti yang ditegaskan dalam *Sulalatus Salatin* (Yaakub Isa,2015)

“Pada menyatakan hukum bahasa segala Raja-raja. Adapun bahasa itu lima perkara yang tiada harus dikata oleh yang lain daripada raja-raja itu; Pertama ‘titah’, kedua ‘patik’, ketiga ‘murka’, keempat ‘kurnia’, kelima ‘anugerah’. Maka adapun di rumah kampung dan balai sendiri dapatlah berkata-kata demikian itu. Jika tiada dibunuh hukunya, dari kerana bahasa itu tiadalah dapat laku pada seorang jua pun yang lain daripada Raja-raja itu. Dan demikian, jikalau seseorang dianugerah Raja sesebuah negeri anak sungai, maka tiada harus orang sungai itu berkata lima perkara itu. Jikalau dikatanya demikian itu, atau menjunjung duli atau buat surat titah, maka dibunuh hukunya’

Undang-undang larangan ini bukanlah sesuatu yang baru dalam sejarah tamadun dunia, malah amalan ini telah dipraktikkan oleh bangsa besar lain dunia seperti England, Jepun dan China. Pembentukan peraturan larangan ini menjadi satu usaha yang direncana bagi membentuk tamadun budaya yang lebih *establish*. Secara tidak langsung, peraturan yang dilaksanakan oleh pemerintah ini merupakan satu bentuk hegemoni secara lunak untuk menguasai rakyat melalui undang-undang dalam pemerintahan yang sistematik (Awang Azman,2013).

***Kedua*, isu kedaulatan raja yang memerintah.**

Konsep daulat dalam masyarakat Melayu bukanlah statik malah sangat dinamik. Daulat menggambarkan *weltanschauung* orang Melayu dan bagaimana mereka mengangkat kedudukan seseorang raja. Ini dibuktikan dengan naskah seperti *Sulalatus Salatin*, *Hikayat Hang Tuah* dan naskah awal yang lain. Kebanyakan naskah klasik ini memerihalkan tentang kebesaran raja dan ketaatsetiaan rakyat terhadap mereka (Tengku Intan Marlina *et al*,2013).

Takrifan tentang daulat dalam alam Melayu melalui satu kronologi yang sangat panjang. Lim Seng Haw (2009) menjelaskan bahawa konteks ini perlu dikupas seawal penguasaan empayar empirialisme di Tanah Melayu sejak abad ke-1 hingga abad ke-15 lagi. Peluasan kuasa Empayar Funan, Empayar Srivijaya dan Empayar Majapahit telah mempengaruhi pembentukan perkembangan ideologi politik masyarakat Melayu. Kewujudan kerajaan awal ini memudahkan penyebaran ideologi politik raja mereka

kepada tanah jajahan yang ditakluki melalui penerapan pengaruh Hindu dan Buddha. Disinilah timbulnya kaitan pemerintah sebagai *devaraja* yang berkuasa mutlak dan memiliki unsur kedewaan *artha* dan *Dharma*. Proses pembudayaan ideologi ini tidak sekadar memperkukuhkan rasa taksub terhadap daulat dan kemuliaan raja malah pada masa yang sama mewujudkan unsur derhaka sebagai mudarat yang timbul apabila rakyat secara langsung atau tidak langsung menghina dan menentang kuasa raja. Daulat dalam konteks raja-raja Melayu turut menegaskan bahawa keturunan Sultan Melaka yang memerintah Melaka mestilah waris daripada raja-raja Srivijaya-Sailendra yang berasal dari Palembang, Bukit Seguntang yang merupakan zuriat Iskandar Zulkarnain sepertimana diperjelaskan dalam naskah klasik *Sulalatus Salatin*.

Kedatangan golongan sufi yang berperanan penting dalam perkembangan Islam di seluruh Kepulauan Melayu pada abad ke 16 dan 17, telah membawa perubahan besar dari segi sosial dan ekonomi dalam pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka (Al Attas,1969). Proses Islamisasi ini telah merubah ideologi politik dan pemikiran masyarakat Melayu. Naskah *Adat Raja-raja Melayu* yang ditulis oleh Abdulmuhit (1779) dari Melaka menjelaskan daulat 'Maka adalah raja itu dikurniai oleh Allah Taala dilebihkan daulatnya yakni tuahnya.....jika duduk tuah itu pada raja,maka dinamakan akan dia berdaulat. Maka tatkala itu,segala manusia pun kasih sayang dan takut akan dia'(Panuti,1996)

Islam telah memurnikan makna kedaulatan ini dimana martabat raja-raja tidak lagi diagungkan melalui mitos dewa tetapi menjadi sebahagian asas keimanan kepada Tuhan dan raja merupakan *ulil-amri* (Ikhlis Roslee *et al*,2017). Namun, keistimewaan tersebut bukanlah untuk dibangga-banggakan malah ia merupakan tanggungjawab dan amanah yang akan dipersoalkan di akhirat kelak. Justeru, amatlah penting, seseorang pemerintah memikul amanah yang diberi dengan adil dan saksama (Jelani Harun, 2010)

Ketiga, peranan raja dan pembesar-pembesar.

Sultan dan pembesar Melayu terangkum dalam satu institusi yang saling melengkapi. Seorang Sultan dan institusinya tidak boleh wujud dan memerintah tanpa pembesar dan pembesar pula tiada kuasa dan hak tanpa restu Sultan (Azmi, 2012). Hebatnya sesebuah negara bergantung kepada kebijaksanaan dan kredibiliti para pembesar yang menjadi tulang belakang pemerintah. Kesultanan Melayu Melaka sebagai contoh, mengiktiraf bahawa kemajuan, kemakmuran dan perkembangan intelek sesebuah negara, harus didukung bersama antara pembesar istana, dagang dan

senteri, serta rakyat jelata, baik anak negeri mahupun orang luar, asalkan Raja, adat resam dan undang-undang Melaka dihormati, berpegangkan semangat “ *di mana bumi dipijak - di situ langit dijunjung*’ (Zainal,2008). Kekuatan pemerintahan Sultan Melaka terutamanya di zaman Sultan Mansur Syah sebenarnya adalah hasil gabungan kebijaksanaan Tun Perak mengatur pentadbiran dengan dibantu oleh kekuatan pembesar-pembesar lain dan hulubalang hebat seperti Laksamana Hang Tuah (Shaharir,2013). Tome Pires (1512) dalam catatannya menyebut jawatan pembesar ini sebagai *Bendara, Lasemana, Tumunguo dan Xabandares*. Kekuatan empayar ini terbukti apabila Melaka menjadi kota pelabuhan kosmopolitan dan entreport dimana 84 bahasa dipertuturkan di kota ini (Zainal Wahid,2008)

Kegemilangan Kerajaan Melaka ini bukan sahaja di peringkat domestik dan dalam bidang perdagangan sahaja, malah hubungan diplomatik di antara Melaka dan negara luar turut berkembang. Contohnya hubungan diplomatik di antara Melaka dan Jepun sebagaimana yang dicatatkan dalam sebuah catatan rasmi Kerajaan Ryukyu iaitu naskah *Rekidai Hoan* yang dikaji oleh dua sarjana Jepun, Atushu Kobata dan Mitsugu Matsuda (Hashim Musa,2015). Terdapat sekurang-kurangnya 19 pucuk warkah dari Kerajaan Ryukyu kepada Kerajaan Melaka dan 11 warkah dari Kerajaan Melaka kepada Kerajaan Ryukyu. Dari jumlah tersebut 3 pucuk warkah dari Kerajaan Melayu Melaka ditulis oleh Laksamana Hang Tuah iaitu pada tahun 1480 dan 1481. Memperkukuhkan lagi bukti bertulis ini ialah penemuan sebilah keris berlok Sembilan di Perkarangan kuil Diraja Enkakuji Ryukyu berhampiran Istana Shuriji pada abad yang ke-15. Keris ini merupakan antara bingkisan diplomatik yang dihantar oleh Sultan Melaka kepada Kerajaan Ryukyu.

***Keempat* ciri-ciri kepimpinan dan adab pemerintahan.**

Kunci utama yang menjamin kesejahteraan manusia ialah adab. Walau bagaimanapun, adab perlu dibajai dengan pelajaran agar subur dalam diri individu (Al Attas,2001). Sebagai pemerintah yang menjadi role model kepada rakyat, seseorang raja seharusnya mempunyai kemampuan dan kemahiran dalam aspek tertentu yang melayakkan dirinya diangkat sebagai pemimpin yang berwibawa (Shaharir, 2013). Kitab ketatanegaraan seperti *Taj al Salatin* (Mahkota Raja-raja) yang ditulis pada 1603 oleh Bukhary Al Jauhari merupakan sebuah kitab ketatanegaraan pertama dalam kesusasteraan Melayu Islam yang berbicara tentang etika kepimpinan dan panduan pemerintahan bagi masyarakat majmuk. Karya beliau bermatlamat menjadi panduan

pemerintah Kesultanan Melayu Aceh, Sultan Alauddin Riayat Shah yang memerintah dari tahun 1508-1606 (W Z Kamaruddin,2016) Seterusnya kitab Bustan al-Salatin telah dikarang oleh Nuruddin al Raniri atas permintaan Sultan Iskandar Thani pada 1638. Bustan al Salatin bermaksud Taman Raja-raja secara umumnya memperkatakan tentang panduan dan nasihat adab pemerintahan Raja-raja Aceh berteraskan ajaran Islam.. Empat aspek utama yang ditekankan oleh Nuruddin ialah keadilan raja, kebijaksanaan pembesar, mentaati pemerintah dan pembangunan negara (Nor Ashikin *et al*,2017). Raja Ali Haji menulis dalam Thammarat al-Muhimmah (1808-1873) yang dianggap sebagai karya unggul ilmu ketatanegaraan Melayu. Sebagai seorang penasihat raja di Kesultanan Riau-Lingga, beliau menulis risalah ini bagi panduan raja, orang besar dan penjawat awam. Kitab ini turut menyentuh tentang perlantikan raja dan pemakzulannya, kedudukan ulama dalam pemerintahan dan hukum akal serta hukum adat.

Secara ringkasnya, semua naskah ketatanegaraan ini membuktikan sistem adat diraja Melayu memberi perhatian khusus kepada tatacara pentadbiran dan ciri-ciri pemerintahan yang baik berlandaskan syariat Islam. Kesemua naskah ini merupakan dokumen bertulis yang membuktikan bahawa telah lama wujud satu sistem pemerintahan yang sistematik dengan sistem tadbir urus yang baik dalam masyarakat Melayu.

Kelima, rite de passage seseorang raja

Seluruh perjalanan hidup seorang raja bermula daripada kelahiran hingga kemangkatannya dilingkungi oleh adat istiadat. Perjalanan ini merupakan '*rites de passage*' seorang raja, iaitu dalam perjalanan kehidupan seseorang raja itu perlu melalui setiap fasa kehidupan dengan iringan istiadat yang telah diwarisi sejak zaman tradisi lagi. Perjalanan setiap tahap kehidupan itu akan membawa kepada peningkatan tahap atau pemantapan status iaitu dari tiada kepada kelahiran, dari tiada taraf kepada bertaraf dalam perkahwinan, istiadat pertabalan menetapkan kedaulatan, dan dari wujud kepada hilang dalam upacara kemangkatan (Zainal Kling,2005). Setiap fasa kehidupan ini membabitkan beberapa istiadat seperti istiadat berleenggang perut bagi menyambut keputeraan, istiadat bertindik dan berkhatan apabila putera dan puteri mencapai umur kanak-kanak, pelantikan sebagai waris ganti apabila ditabal sebagai Tengku Mahkota, istiadat pertabalan diraja apabila cukup syarat lantikan sebagai raja memerintah, istiadat perkahwinan sehinggalah istiadat hari kemangkatan. Istiadat

gilang gemilang yang mengiringi setiap fasa ini merupakan lambang permulaan perjalanan individu raja itu dalam edaran kehidupannya. Istiadat ini turut memberi satu konotasi tanggungjawab dan amanah baru yang perlu dipikul dan dilaksanakan oleh seseorang bakal raja atau raja dengan sebaiknya. Hal ini juga bermaksud, adat merupakan pengucapan lambang terhadap makna dalaman daripada kehidupan individu dan masyarakatnya (Zainal Abidin,1996)

Keenam, interaksi dua hala antara raja pemerintah dan rakyat.

Setiap istiadat diraja memancarkan hubungan diantara raja dan rakyat. Ia juga merupakan satu bentuk komunikasi yang berjalan seiring dengan perubahan tahap seorang raja dalam pemerintahannya. Pada dasarnya, istiadat yang dijalankan kelihatan seperti memuliakan raja semata-mata namun realitinya ia merupakan interaksi dua hala antara rakyat dan pemerintah. Istiadat menjunjung duli sebagai contoh, merupakan cara seorang rakyat menunjukkan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada pemerintah. Dalam istiadat ini, seorang pembesar akan melalui tatacara khusus dengan mengangkat sumpah taat setia kepada pemerintah. Pelakuan istiadat menjunjung duli ini merupakan sumpah seseorang untuk mentaati pemerintah. Begitu juga istiadat menganugerah gelar atau istiadat penganugerahan bintang kebesaran. Istiadat ini merupakan salah satu cara raja menghargai jasa pembesar dan rakyat yang banyak berbakti kepada negeri atau negara. Istiadat ini bukanlah asing dalam kalangan institusi istana bahkan *Sulalatus Salatin* ada menjelaskan bagaimana raja menganugerahkan persalinan kepada pembesar. Jika kedudukannya Bendahara, akan dianugerah lima ceper persalinan, seceper baju, seceper destar, seceper sebai, seceper ikat pinggang dan seceper kain. Manakala bagi hulubalang, betara dan sida-sida, tiga ceper, kain seceper, seceper baju, destar dan sebai disatukan dalam satu ceper (Zainal Abidin,1996).

Tatacara Istiadat Pertabalan Diraja Negeri Pahang

Penelitian dibuat terhadap tatacara Istiadat Pertabalan Diraja Sultan Pahang ke 5, Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Riayatuddin Al Muadzam Shah bagi melihat bagaimana tatacara istiadat pertabalan ini dijalankan. Sebagaimana amalan di istana lain di negara ini, istiadat pertabalan bermula dari Istiadat Permaryhuran yang dilaksanakan semasa kemangkatan raja memerintah iaitu Al-Marhum Sultan Abu Bakar pada tarikh 7 Mei 1974. Buku Peraturan Adat Raja-raja Negeri Pahang 1971 menjelaskan ;

‘Setelah alat-alatan kebesaran diatur dengan rapi mengikut susunannya, kerabat-kerabat Diraja, orang besar-besar, orang kenamaan, pegawai-pegawai kerajaan, ketua-ketua kaum akan mengambil tempat duduk masing-masing di kerusi-kerusi diatuhkan mengikut perintah Ketua Istiadat. Setelah tetamu mengambil tempat, raja pun berangkat ke Balairung Seri. Setelah raja bersemayam dan segala-galanya telah siap sedia, maka Istiadat Pertabalan dimulakan. Ketua Istiadat diapit oleh Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan membawa surat pertabalan ke hadapan serta membacanya dengan segala tertib. Setelah itu, surat pertabalan tersebut disembah Kebawah Duli Tuanku dan menjadi tauliah baharu yang ditabalkan. Dengan demikian, sahlah Pertabalan Diraja itu. Semua yang hadir berseru, “Daulat Tuanku”, tiga kali berturut-turut. Dalam masa yang sama, Ketua Istiadat dan pengapit mengambil tempatnya semula. Kemudian Kebawah Duli Yang Maha Mulia melafazkan ikrar taat setia. Istiadat berakhir dengan bacaan doa selamat oleh Sahibus Samahah Tuan Mufti. Setelah itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berangkat masuk ke dalam istana’

Semasa hari kemangkatan, KDYTM Tengku Mahkota Pahang pada ketika itu, Tengku Ahmad Shah telah mengisytiharkan kemangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar Ri’ayatuddin Al-Mu’adzam Shah. Baginda seterusnya, telah dimasyhurkan sebagai Raja Pemerintah menggantikan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar Ri’ayatuddin Al-Mu’adzam Shah. Istiadat Pemasyhuran ini mengikut istiadat perlulah dilaksanakan sebelum jenazah diusung keluar dari Balairong seri untuk dimakamkan di Makam Diraja.

Setahun selepas itu iaitu pada 8 Mei 1975, Istiadat Pertabalan telah diadakan di Istana Abu Bakar, Pekan. Istiadat ini merupakan satu istiadat yang panjang mengandungi beberapa istiadat kecil. Sebagaimana biasa dijalankan untuk istiadat-istiadat diraja yang besar, Istiadat Meletak Kerja telah dijalankan oleh Yang Amat Mulia Tengku Arif Bendahara selaku Yang Dipertua Adat Istiadat Negeri Pahang yang bertanggungjawab dalam menyempurnakan istiadat tersebut. Bendera Istiadat Meletak Kerja (bendera berwarna kuning dengan lambang negeri Pahang) telah dinaikkan dan tembakan meriam sebanyak 16 das dilepaskan. Pada 5 Mei 1975, perkara pertama yang telah dilakukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tengku Hajjah Afzan ialah berangkat menziarahi Makam Al-Marhum paduka ayahanda baginda Duli Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar Ri’ayatuddin Al-Mu’adzam Shah. Seterusnya baginda berdua menghadiri Majlis Tahlil dan doa selamat yang diketuai oleh Sahibus Samahah Mufti Kerajaan Negeri Pahang. Sebagai tanda memperingati kemangkatan dan pemakaman Duli Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar Ri’ayatuddin Al-Mu’adzam Shah, maka pada setiap 7 Mei telah diisytiharkan sebagai Hari Hol, iaitu hari kelepasan am bagi seluruh negeri Pahang.

Pada 6 Mei 1975 pula, telah berlangsung Istiadat Penganugerahan Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Negeri Perak, D.K. Perak oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah di Balairung Seri, Istana Abu Bakar Pekan. Umum mengetahui bahawa Negeri Pahang dan Perak mempunyai hubungan kekeluargaan yang amat erat. Bukan sahaja kerana bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah iaitu Tengku Ampuan Besar Fatimah, berasal daripada keluarga Diraja Negeri Perak malahan baginda merupakan cucunda yang amat dikasihi oleh nenda baginda, Sultan Iskandar Shah.

Tanggal 8 Mei 1975, Istiadat Bersiram telah dilangsungkan. Istiadat ini dilangsungkan di panca persada iaitu satu binaan 7 tingkat yang didirikan perkarangan istana. Satu das tembakan meriam telah dilepaskan sebagai tanda bermulanya istiadat tersebut. Seramai 100 orang terdiri daripada kerabat-kerabat diraja, anggota polis dan tentera telah menarik kenderaan diraja dari anjung Istana Abu Bakar ke Panca Persada. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Afzan berangkat ke Panca Persada diiringi oleh kerabat-kerabat mengikut susunannya dan didahului dengan pembawa Alat Kebesaran Diraja, iaitu Cogan, Pembawa Lembing; di kiri dan di kanan, Pembawa Tombak dan Payung Obor-obor; lapan di kiri dan lapan di kanan diikuti Bentara Kiri dan Bentara Kanan. Di sekeliling tujuh tingkat Panca Persada pula terdapat seramai 131 orang pawai serta jejawat lelaki dan wanita berdiri memegang dan menatang pelbagai peralatan adat istiadat.

Setelah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tengku Hajjah Afzan bersemayam di atas Panca Persada lagu Negeri Pahang "Allah Selamatkan Sultan Kami" dimainkan. Setelah itu, upacara merenjis tepung tawar oleh wakil raja-raja Melayu, kerabat Diraja dan Sahibus Samahah Mufti Negeri Pahang dijalankan. Selesai sahaja, Istiadat Bersiram dimulakan dengan empat orang kerabat perempuan menatang kain tapisan di hulu (kepala) baginda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tengku Hajjah Afzan. Selesai sahaja istiadat bersiram, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tengku Hajjah Afzan mengenakan semula pakaian baju songket putih dan sarung

songket kuning. Istiadat tersebut diakhiri dengan bacaan doa oleh Sahibus Samahah Mufti Negeri Pahang dan

Usai Istiadat Bersiram di Panca Persada, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berdua diarak menuju ke dalam istana. Di sini, Istiadat Pertabalan dilangsungkan dengan keberangkatan masuk Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tengku Hajjah Afzan yang diiringi oleh kerabat diraja berserta Alat-alat Kebesaran Diraja ke Balairung Seri, Istana Abu Bakar. Sebaik sahaja baginda berdua bersemayam di atas singgahsana, lagu Negeri Pahang “Allah Selamatkan Sultan Kami” dimainkan. Yang Dipertua Adat Istiadat Negeri Pahang diapit oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Pahang masuk membawa warkah pertabalan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah ditabalkan sebagai Raja Pemerintah Negeri Pahang dan Segala Jajahan Takluknya dengan memakai gelaran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta’in Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri’ayatuddin Al-Mu’adzam Shah. Warkah pertabalan tersebut kemudiannya dibacakan oleh Yang Amat Mulia Tengku Arif Bendahara selaku Ketua Istiadat. Beliau diapit oleh Yang Amat Mulia Tengku Arif Temenggung Pahang dan Yang Dihormati Orang Kaya Indera Maharaja Perba Jelai. Persembahan ucapan beliau disampaikan sebagaimana berikut :

“ Bismillahirrahmanirrahim, pujian itu bagi Allah seru sekalian alam, doakan kesejahteraan itu kepada penghulu kita Nabi Muhammad SAW. Bahawa dengan kehendak dan iradat Allah Tuhan seru sekalian alam yang melakukan... hambanya iaitu kemangkatan Sultan dan raja pemerintah negeri Pahang ini Al-Marhum Duli Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar Ri’ayatuddin Al-Mu’adzam Shah ibni Al-Marhum Al-Mutassim Billah Al-Sultan Abdullah pada 11 Rabiulakhir tahun hijrah 1394 jam 12.45 pagi bersamaan dengan 5 Mei tahun 1974. Bahawasanya merujuk kepada Fasa 1 dalam Perkara 7 bahagian pertama, Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang, raja pemerintah selepas diakui sebagai raja pemerintah hendaklah ditabal menurut adat istiadat Melayu negeri ini.”

Istiadat memahkotakan baginda pula dilaksanakan oleh Yang Amat Mulia Tengku Panglima Perang. Serentak dengan itu, laungan “Daulat Tuanku” yang dimulakan oleh Yang Amat Mulia Tengku Arif Bendahara berkumandang dan disahut oleh para hadirin sebanyak tiga kali. Sekali lagi lagu negeri Pahang ‘Allah Selamatkan Sultan Kami’ dimainkan. Selesai sahaja lagu tersebut dimainkan, Yang Mulia Tengku Hajjah

Azam binti Tengku Umar pula masuk ke Balairung Seri untuk memahkotakan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tengku Hajjah Afzan sebagai Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Pahang. Istiadat diteruskan dengan persembahan ucapan taat setia daripada kerabat Diraja dan Orang-Orang Besar Pahang. Mewakili pihak rakyat dan pegawai-pegawai kerajaan pula, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang mengadap dan menyembahkan ucapan taat setia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang. Berikutnya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang menyampaikan titah baginda yang pertama selaku Sultan Pahang yang baharu. Istiadat Pertabalan tersebut diakhiri dengan bacaan doa oleh Sahibus Samahah Mufti Negeri Pahang dan tembakan meriam sebanyak 16 das.

Pada sebelah tengah hari pula, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Pahang berangkat ke Istiadat Santap Nasi Adap-adapan. Duli Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Besar Pahang, Raja Fatimah Ibni Al-Marhum Sultan Iskandar Shah telah melakukan istiadat meletakkan panca bicara ke hulu (kepala) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Pahang. Kemudian ditabur pula ambor-ambor emas dan perak. Istiadat ini diakhiri dengan bacaan doa selamat oleh Sahibus Samahah Mufti Negeri Pahang dan juga tembakan meriam sebanyak 16 das. Pada sebelah malamnya pula diadakan majlis jamuan negeri. Istiadat ini diakhiri dengan Istiadat Menutup Kerja. Semua istiadat pertabalan ini berlangsung dari 5 – 9 Mei 1975.

Istiadat Pertabalan Sebagai Mekanisme Pemerintahan Berdaulat

Institusi Raja-raja Melayu melaksanakan adat-istiadat bagi memelihara kedaulatan dan keluhuran institusi yang sakaral. Walaupun istiadat pertabalan mungkin hanya dilihat sebagai satu upacara warisan gilang gemilang yang dicipta untuk mengabsahkan perlantikan seseorang raja, namun lebih daripada itu, istiadat ini mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan persoalan yang paling asas dalam sesebuah pemerintahan, iaitu mengangkat kedaulatan sesebuah pemerintahan yang dipimpin oleh seorang raja. Sehubungan dengan itu, dalam realiti pemerintahan sesebuah negara atau negeri, amatlah wajar istiadat pertabalan ini dilihat dari perspektif yang lebih tuntas.

Pertama, sebagai satu usaha mengekalkan waris takhta dari kalangan anak gahara atau waris yang dilantik. Dalam institusi raja-raja Melayu sejak dulu lagi, pemeliharaan salasilah sangat dipentingkan terutamanya dalam aspek pemilihan anak gahara iaitu putera yang lahir dari bonda berketurunan bangsawan. Lazimnya, putera yang dilahirkan oleh Permaisuri atau Raja Perempuan merupakan anak gahara yang diberi keutamaan untuk menaiki takhta menggantikan ayahandanya (Ismail,2009). Pelantikan pengganti raja mengikut pertalian nasab terutamanya waris tua, dapat menyediakan institusi raja dengan waris yang telah dididik sejak awal lagi untuk menjadi pewaris memerintah negeri (Suzana,2007). Elemen kekerabatan ini tidak hanya berlaku di Tanah Melayu malah di Indonesia misalnya konsep darah raja disebut sebagai 'darah biru' sangat dihormati dalam kalangan masyarakat bahkan cenderung dikeramatkan. Dalam senario politik semasa, legitimasi 'darah biru' ini juga masih berlaku di Nusantara (Afriadi,2019). Mengikut sejarah Kesultanan Pahang, pelantikan waris ganti bermula dari Sultan Pahang pertama dari pemerintahan Kesultanan Pahang Moden iaitu Sultan Ahmad Al Muadzam Shah. Baginda telah membuat pengistiharan pada 3 April 1909 untuk menyerah kuasa penuh kepada Tengku Mahmud sebagai Pemangku Raja dengan persetujuan Residen British dan Pesuruhjaya Tinggi British, Gabenor Negeri-negeri Selat. Penyerahan kuasa penuh ini dibuat kerana kesihatan baginda yang semakin tenat. Seterusnya Sultan Mahmud menaiki takhta sebagai Sultan Pahang ke-2. Namun, tradisi ini tidak berlaku semasa pemerintahan Sultan Mahmud kerana baginda tidak mempunyai zuriat dan baginda hanya memerintah selama tiga tahun sepuluh bulan sahaja. Walaupun begitu, sebelum jenazah dimakamkan, Encik Othman Orang Kaya Shahbandar merangkap ahli Majlis Mesyuarat Negeri Pahang, telah memasyhurkan lantikan Yang Mulia Tengku Abdullah adinda Al-Marhum Sultan Mahmud, sebagai Sultan Pahang yang ke-3 (Abdullah Zakaria,2019).

Pada zaman pemerintahannya, Sultan Abdulah telah mengambil inisiatif untuk menetapkan undang-undang bahawa keturunan Sultan Pahang dijadikan pengganti raja. Hal ini telah diutarakan kepada Residen British dan telah dipersetujui bahawa pengganti Sultan Pahang adalah putera sulungnya. Dengan itu Tengku Abu Bakar, putera Sultan Abdullah telah diangkat sebagai pengganti baginda. Pada 4 Jun 1930, upacara pelantikan Tengku Abu Bakar sebagai Tengku Mahkota Pahang telah dilangsungkan dengan penuh adat istiadat dengan dihadiri oleh Residen British, para pembesar dan wakil dari negeri-negeri lain. Dengan ketetapan tersebut, Pahang menetapkan putera sulung Sultan Pahang sebagai Tengku Mahkota pengganti Raja

Pemerintah. Pada 22 Jun 1932 Sultan Abdullah mangkat di Istana Pantai, Pekan. Sebelum jenazah baginda dimakamkan, Yang Teramat Mulia Tengku Ariff Bendahara, telah mengisytiharkan pelantikan Tengku Mahkota Tengku Abu Bakar sebagai Sultan Pahang yang baharu (Ramlah Adam,2019).

Tradisi ini diteruskan semasa pemerintahan Sultan Abu Bakar dimana baginda telah melantik Tengku Ahmad sebagai Tengku Mahkota Pahang pada 24 Mei 1944. Seterusnya, pada 1 Februari 1948, baginda telah mengisytiharkan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang. Isi kandungan Perkara 4, Undang-undang Tubuh tersebut menyatakan bahawa, takhta Kerajaan Pahang mestilah berketurunan kepada putera yang tertua yang hidup dan diakui sah putera Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Ibnu Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'azzam Shah. Walaupun begitu, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang ini masih menonjolkan kewibawaan institusi beraja di negeri ini dengan mensyaratkan bahawa putera yang dilantik menjadi Raja Pemerintah itu hendaklah tiada cacat besar yang boleh menjatuhkan mutu atau kewibawaan seorang Raja Pemerintah (Shamrahayu,2019).

Dengan termeterinya undang-undang berkenaan pelantikan waris ganti ini, pelantikan seseorang raja tidak boleh dipertikaikan samada melalui amalan adat atau melalui undang-undang. Ini secara tidak langsung mengukuhkan lagi kedudukan raja pemerintah dalam institusi pemerintahan sesebuah negeri.

Kedua, istiadat pertabalan sebagai perencanaan mengatasi konflik perubahan legasi pemerintahan. Firdaus (2007) mengemukakan pandangan beliau bahawa institusi beraja perlu dipertahankan di negara ini kerana antara lainnya ia berupaya menghambat perubahan radikal atau perubahan total politik sesebuah negara. Ia membawa kestabilan dengan menggalakkan perubahan secara beransur-ansur dan mengelakkan berlakunya perubahan ekstrim. Vernon (1997) turut meneliti institusi monarki di Eropah dan menjelaskan bagaimana institusi ini mampu mengatasi perubahan yang bersifat radikal dan menstabilkan negara

Today, although the majority of states In Europe are republics, all of the monarchies which have survived are without doubt constitutional monarchies. Seven European states apart from Britain are monarchies – the three Scandinavian countries, the Low Countries and Spain (where the monarchy was restored in 1975 after the death of General Franco). These states are amongst the most stable and prosperous in the modern world, and, with the exception of Spain, their history has been one of evolution rather than radical change. The survival of monarchy may indeed be said to symbolize this process of evolutionary change.

Sultan Pahang ke-2, Sultan Mahmud tidak meninggalkan zuriat untuk menggantikan baginda dan ahli Majlis Mesyuarat Negeri Pahang, telah memasyhurkan Yang Mulia Tengku Abdullah adinda Al-Marhum Sultan Mahmud, sebagai Sultan Pahang yang baharu. Perubahan dan pelantikan raja pemerintah yang baru berlaku dengan aman tanpa sebarang konflik baik dalam kalangan kerabat, pembesar atau rakyat jelata. Berbeza dengan pentadbiran parti politik yang seringkali berlaku penentangan dan protes setiap kali pilihanraya diadakan, institusi Raja lebih stabil dan tidak berlaku sebarang tindakan radikal setiap kali perubahan pemerintah.

Ketiga, mengangkat kedudukan raja pemerintah dengan istiadat khusus yang elaborate. Kedaulatan seseorang raja boleh dihubungkan dengan konsep dan peranan simbol dalam tradisi perajaan. Simbol ini wujud untuk memberikan taraf dan keistimewaan raja berbanding rakyat. Antara simbol tersebut ialah peralatan budaya, bahasa, undang-undang, warna dan tatacara istiadat (Azhar,2017). Dilihat dari skop yang lebih kecil, peralatan budaya merupakan satu syarat yang perlu ada dalam melengkapkan sesuatu istiadat. Justeru, ia turut memberi makna dan simbol kepada institusi ini.

Istiadat pertabalan merupakan satu pelakuan adat yang lengkap dengan tatacara yang terperinci, peralatan istiadat yang khusus, perlakuan yang teratur dan bahasa yang tersusun. Terdapat beberapa istiadat kecil dalam istiadat pertabalan iaitu istiadat menziarah makam, istiadat bersiram, istiadat pertabalan dan kemahkotaan serta istiadat santap nasi adap-adapan. Gabungan semua istiadat kecil ini menghasilkan budaya tidak nyata (intangible culture) yang melambangkan satu bentuk upacara yang halus, gemilang dan sangat terperinci sifatnya. Dalam konteks ilmu, kehalusan dan ketelitian dalam pengendalian sesuatu istiadat ini terhasil dari penaakulan nenek moyang yang menyusun segenap sudut istiadat tersebut. Oleh hal yang demikian, setiap istiadat pastinya memiliki nilai intrinsik tersendiri dan memberi makna kepada raja dan rakyat.

Budaya benda (material culture) penting dalam institusi istana melalui penggunaan alat-alat kebesaran atau regalia dan peralatan istiadat. Alat-alat kebesaran Istana Pahang seperti cogan, keris panjang, keris kerajaan negeri, pedang dan tombak panjang merupakan alat-alat kebesaran yang telah mula digunakan sejak zaman pemerintahan Sultan Abdullah Al-Mu'tassim Billah lagi. Manakala peralatan istiadat seperti tepak sirih, batil, pahar, perbaraan dan terenang merupakan peralatan bukan

alat kebesaran tetapi perlu ada bagi melengkapkan perjalanan sesuatu istiadat (Mokhtar *et al*,1971). Alat-alat kebesaran negeri atau regalia yang diwarisi selama hampir satu abad ini biasanya diperbuat dari emas, perak atau sebarang material lain yang bernilai tinggi. Hasil pembuatan alat-alat kebesaran ini juga sangat bermutu dan merupakan puncak pencapaian tertinggi seseorang tukang dalam bidang masing-masing. Kesemua budaya material yang unik, unggul dan diwarisi sejak zaman tradisi lagi ini menjadi simbol kebesaran yang membezakan status diantara raja dan rakyat, sekaligus meningkatkan nilai wibawa seseorang raja. (Zainal Kling,2019)

Keempat, istiadat pertabalan mengikut undang-undang memartabatkan kedaulatan raja memerintah. Kupasan kontemporari tentang konsep daulat lebih banyak memaparkan perspektif raja dari aspek perlembagaan dan undang-undang. Sebenarnya terdapat takrifan yang berbeza tentang konsep kedaulatan kerana pemakaiannya yang berbeza di antara negara. Konsep kedaulatan tanah air perlu dilihat menerusi kerangka pribumi tanah air (Wan Ahmad Fauzi,2017). Oleh hal yang demikian, takrifan perlulah dibuat mengikut undang-undang negeri. Di Pahang, Undang-undang Tubuh Negeri Pahang telah memperuntukkan kuasa kepada Jumaah Pangkuan Negeri iaitu dalam Perkara 7, 8, 15, 16, 19, 20 dan 21 iaitu memilih, melantik dan menabalkan raja pemerintah, melantik waris ganti, lantikan pemangku raja atau jumaah pemangku raja (Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang, Pindaan 2002)

Oleh hal yang demikian, adalah penting bagi istiadat pertabalan dilaksanakan mengikut undang-undang bagi mengelakkan sebarang masalah dari sudut perundangan. Proses pelantikan pengganti raja yang mematuhi Undang-undang Tubuh atau Perlembagaan Negeri memberi satu legitimasi kuasa yang sah kepada raja pemerintah. Pemilihan secara syura melalui Jumaah Pangkuan Negeri dan istiadat pertabalan yang rasmi juga merupakan satu prosedur yang penting dalam pelantikan raja yang baru. Dalam istiadat ini, seorang raja mendapat mandat, memikul amanah dan tanggungjawab untuk melaksanakan pemerintahan yang adil dan saksama.

Kesemua prosedur yang berjalan mengikut lunas undang-undang ini menjamin proses pelantikan seseorang raja yang tidak boleh dipersoalkan oleh mana-mana individu. Kesahan ini secara tidak langsung mengangkat kedaulatan raja di mata rakyat dan meningkatkan ketaatsetiaan mereka terhadap institusi istana.

Kelima, mengukuhkan taat setia pembesar dan rakyat kepada raja.

Istiadat Pertabalan Diraja memaparkan interaksi dua hala antara raja dan rakyat. Dalam istiadat ini, terdapat Istiadat Mengangkat Sumpah Taat Setia Pembesar yang diwakili oleh Orang Besar Negeri dan Istiadat Mengangkat Sumpah Taat Setia Rakyat yang diwakili oleh Menteri Besar Pahang. Tatacara mengangkat sumpah ini membuktikan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi rakyat terhadap raja yang baru ditabal. Pada masa yang sama ia berupaya membina pengalaman kolektif memori pembesar dan rakyat terhadap legasi yang memerintah dan secara tidak langsung bertujuan memastikan mereka dapat menerima pentadbiran dan dasar berbeza tetapi dari legasi yang sama.

Sumpah taat setia dari pembesar merupakan sesuatu yang penting kerana pembesar mempunyai pengaruh yang kuat dikalangan rakyat jelata khususnya di kawasan pentadbiran mereka. Mereka adalah perantaraan di antara raja dan rakyat iaitu semua titah perintah sultan akan disampaikan kepada rakyat di mukim dan daerah masing-masing (Halim,2010). Adat mendapatkan muafakat dan persetujuan rakyat dan pembesar atas perlantikan seseorang raja, atau segala yang berkaitan dengan hal ehwal negeri, adalah satu bentuk musyawarah dalam pemerintahan. Kesatuan hati dari musyawarah juga menjadi tonggak kemakmuran sesebuah negeri. Oleh kerana itulah, wujud di negeri Pahang, sistem empat lipatan yang terdiri dari Orang Besar Berempat, Orang Besar Berlapan dan Orang Besar Enam Belas. Ada diantara Orang Besar ini yang dilantik sebagai Ahli Jumaah Pangkuan Diraja Negeri Pahang. Jumaah Pangkuan ini pula berfungsi membuat keputusan memilih, melantik dan menabalkan raja pemerintah. Bidang kuasa Jemaah Pangkuan ini dinyatakan dengan jelas dalam Undang-undang Tubuh Negeri Pahang (Hilmi, 2019).

Dalam istiadat pertabalan ini juga terdapat istiadat kecil iaitu Persembahan Titah yang pertama selepas dilantik sebagai sultan yang baru. Perlantikan sebagai pemerintah yang baru adalah bagi menjalankan mandat Allah atas baginda serta ikrar melaksanakan amanah terhadap rakyat jelata. Oleh itu, pertabalan seseorang Raja Melayu mengikut adatnya akan menzahirkan lagi kekuatan rohaniah kepada baginda selagi baginda tidak mengkhianati sumpah lafaz dalam istiadat pertabalan tersebut (Suzana,2007).

Kesimpulan

Istiadat pertabalan bukan sekadar satu tatacara memahkotakan raja sebagai pemerintah yang baru tetapi ia sebenarnya mempunyai peranan yang jauh lebih besar daripada itu.

Istiadat yang dilaksanakan dengan prosedur yang betul dan tatacara yang tersusun ini merupakan budaya nyata dan budaya tidak nyata yang terhasil dari kearifan masyarakat terdahulu tentang asas yang mendasari sesebuah pemerintahan iaitu pelantikan raja pemerintah yang sah. Kedaulatan seseorang raja pemerintah pula diterjemahkan dalam bentuk upacara ritual yang elaborate dan penuh dengan peralatan budaya yang menonjolkan wibawa seseorang raja dan institusinya. Sudah pasti, gabungan semua elemen ini menjadi satu perencanaan yang baik dalam mendaulatkan raja sekaligus mengangkat keagungan sesebuah negeri.

Bibliografi

- Abdullah Zakaria Ghazali, (2019), Sejarah dan Peranan Kerabat Bergelar dan Orang Besar dalam Kesultanan Pahang, *Prosiding Kolokium Diraja : Daulat Tuanku. Pahang* : Perbadanan Muzium Negeri Pahang. 153-182
- Abu Hassan Sham, (1999). Asas Perundangan Melayu. *Warisan Persuratan Johor II – Perundangan dan Ketatanegaraan Melayu*. Johor Bharu: Yayasan Warisan Johor
- Adat Istiadat Negeri Terengganu Darul Iman, (2019). Terengganu : Pejabat KDYMM Sultan Terengganu
- Afriadi Sanusi & Mohd Roslan Mohd Nor, (2019). Analisis Konsep Darah Raja Sebagai Pemimpin Negara Islam berdasarkan karya Hamka. *Prosiding 2nd World Conference on Islamic History and Civilization 2019 WOCIHAC*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya , 71
- Andaya B W, (1975). The nature of the state in the eighteenth century Perak dlm *Pre-Colonial State Systems in Southeast Asia* disunting oleh Anthony Reid & Lance Castles. *Monograf No 8*. Kuala Lumpur: MBRAS
- Anthony Crothers Milner (1982), *Kerajaan: Malay Political Culture On The Eve Of Colonial Rule*. Arizona: The University of Arizona Press
- Awang Azman Awang Pawi, (2013) *Sumtuary Law dan Pembentukan Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Azhar Abdul Latif, *Seni Muzik dalam Institusi Raja Melayu : Kajian Jenis, Perkembangan dan Peralatan Muzik dalam konteks Tradisi Istana*
- Azmi Ariffin, (2012), *Syed Hussain Al Attas - Pemikiran Kolonial dan Gagasan Feudalisme Melayu*, *Akademika*, 82 (1) 2012, 21-30
- Halim Ibrahim, (2010), *Raja dan Rakyat Berpisah Tiada – KDYMM Sultan Haji Abad Shah Al-Mustain Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Riayatuddin Al-Muadzam Shah*. Kuantan
- Hashim Musa dan Rohaidah Kamaruddin, (2015), *Hang Tuah : Catatan Okinawa*, Serdang : Universiti Putra Malaysia
- Hawkes, T (1972), *Metaphor*, London: Methuan & Co. Ltd
- Hilmi Mat Said, (2019), Alat-alat Kebesaran Diraja Pahang, *Prosiding Kolokium Diraja : Daulat Tuanku*. Pahang : Perbadanan Muzium Negeri Pahang
- Ismail Azman Omar, (2009), *Perkahwinan dan Kekeluargaan Raja-raja Melayu dalam Sejarah Melayu*. Shah Alam : Karisma Publication
- Istiadat Pertabalan DYMM Paduka Seri Sultan Perak 35, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Al-*

- Marhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al- Maghfir-lah, (2015), Perak : Pejabat DYMM Sultan Perak
- Jelani Harun, (2010), *Perbandingan Adat Istiadat Kesultanan Melayu – Jepun Berdasarkan Naskah Klasik*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Khalif Muammar A. Harris (2011), Ilmu Ketatanegaraan Melayu Abad ke-19: Kajian Terhadap Karya Raja Ali Haji, *Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation* 29(1) , 79 – 101.
- Lim Senghaw (2009), Perkembangan Ideologi Politik Dan Masyarakat Melayu Di Tanah Melayu, *Malaysia dari Segi Sejarah*, V. 37, 71 - 108
- Mokhtar Daud, Mohd Ali Mohd & Abu Bakar Mohd Taib, (1971). *Peraturan Adat Istiadat Raja-raja Negeri Pahang*. Pejabat KDYMM Sultan Pahang.
- Muhammad Yusuf Hashim,(1995), Daulat dalam Tradisi Budaya dan Politik Kesultanan Melayu Abad ke 15 dan Awal Abad ke 16 : Antara Mitos dan Realiti dalam *Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya*, No 3/1994-1995. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya
- Naquib Al Attas,(1980). *The Concept of Education In Islam*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
- Naquib Al Attas,(1969). *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Archipelago*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nor Ashikin binti Mohd Nor, Salmah Jan binti Noor Muhammad, (2017), Bustan al Salatin – Panduan Kepada Pemerintahan Islam yang Adil oleh Golongan Pembantu Raja, *Jurnal MANU*, Bil 26
- Panuti Hadjimoorthy Sudjiman. (1979), *Adat Raja-raja Melayu : A Critical Edition together with a commentary on court ceremonials described*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Australian National University
- Ramlah Adam, (2019), Sejarah Kesultanan Pahang, *Prosiding Kolokium Diraja : Daulat Tuanku Pahang* : Perbadanan Muzium Negeri Pahang
- Shaharir Mohamad Zain, (2013), Perkembangan Teori Kepimpinan Islam-Melayu di Pascabima sejak kedatangan Islam hingga kini *International Journal of the Malay World and Civilization* (IMAN)1(1)
- Shamrahayu Abd Aziz, (2019), Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang, *Prosiding Kolokium Diraja : Daulat Tuanku. Pahang* : Perbadanan Muzium Negeri Pahang
- Suzana Othman,(2007), *Perang Bendahara Pahang 1857-1863 (Pensejarahan Semula Menelusuri Peranan British)*, Karisma Publication Sdn Bhd, Shah Alam
- Tengku Intan Marlina Tengku Ali & Salinah Jaafar,(2013), Simbol Kebesaran Daulat Mahkota dan Keris dalam Hikayat hang Tuah *Jurnal Melayu Jilid 11*, Dis 2013, Kuala Lumpur :Universiti Malaya
- Titah Ucapan Raja Muda Perlis DTYM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail (2014), *Seminar Institusi Raja* (SIRaj II). Perlis : Universiti Malaysia Perlis *Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang (Pindaan 2002)*, Kerajaan Negeri Pahang, Pahang: Percetakan Nasional.
- Vernon Bogdanon, (1997), *The Evolution of the Constitutional Monarchy, The Monarchy and the Constitution*. New York : Oxford University Press Inc

- Wan Siti Zubaidah Yahya & Mohd Faizal Md Noor,(2014), Melestarikan Rumah Melayu Melaka : Produk Pelancongan Warisan Masyarakat Desa. *Merekayasa Kearifan Tempatan – Budaya, Pelancongan, Arkeologi dan Sejarah*, Pulau Pinang : Penerbit USM
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain ,(2017), *Konsep Kedaulatan Watan : Satu Pengenalan*. Selangor: Majlis Ittihad Ummah
- Wan Wahid Wan Hassan, (2019), Adat Istiadat Diraja Pahang, *Prosiding Kolokium Diraja : Daulat Tuanku*. Pahang : Perbadanan Muzium Negeri Pahang
- W.Z. Kamaruddin Wan Ali,(2017), Hubungan Raja dan Rakyat : Suatu Telaah Terhadap Taj Al-Salatin dari Perspektif Pemikiran Islam in *Seminar Peradaban Melayu : Raja, Rakyat dan Kerajaan*. Kuala Lumpur :Yayasan Karyawan
- Yaakub Isa,1982, Syair Tanah Melayu iaitu Cerita Perang Pahang dan Johor Baharu – Satu Pandangan Awal dan Penurunan Teks, *Monograf Sejarah dan Kebudayaan Negeri Pahang*, Lembaga Muzium Negeri Pahang
- Yaakub Isa, (2015), Kerajaan dan Kesultanan Melayu Pahang : dalam teks Hukum Kanun Pahang, *Prosiding Seminar Antarabangsa Kesultanan Melayu Nusantara – Sejarah dan Warisan*. LMNP& ATMA
- Zainal Abidin b. Abdul Wahid (2008), Kesultanan Melaka: Satu tinjauan Terhadap Pentadbiran, dlm *Polemik Sejarah Malaysia (Jilid 1)*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, h. 210.
- Zainal Abidin Borhan, Zainal Kling, Norazit Selat & Mohd Ramli Raman (1996), *Adat Istiadat Melayu Melaka*, Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia. Kuala Lumpur : Percetakan Seasons Sdn Bhd
- Zainal Kling,(2005), Kerajaan dan Kesultanan Melayu Nusantara – Evolusi Institusi Raja, *Prosiding Seminar Antarabangsa Kesultanan Melayu Nusantara, Sejarah & Warisan – LMNP & ATMA*
- Zainal Kling, (2019), Raja Sebagai Payung Penyatu Bangsa Melayu, *Prosiding Kolokium Diraja : Daulat Tuanku*. Pahang : Perbadanan Muzium Negeri Pahang